



Submission: 20/04/2021 Accepted: 03/06//2022 Published: 29/09/2022  
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.391

## **METODOLOGI PENYUSUNAN KITAB HUJJAH ALLAH AL-BALIGHAH KARYA SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI (1703-1762M)**

***Methodology of the Preparation of the Book of Hujjah Allah Al-Balighah by Shah Wali Allah Al-Dihlawi***

Noraini Junoh<sup>a</sup>, Ahmad Mushidi Mustapha<sup>a</sup> & Abdul Manam Mohamad<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

<sup>b</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

[norainijunoh@uitm.edu.my](mailto:norainijunoh@uitm.edu.my) (corresponding email)

### **Abstract**

The information done by scholars leaves a legacy of connecting scholars' knowledge brochures. The authors' processing of science gives these works their valuation. Acceptance of scholars' remaining works can be seen in studies as well as reviews from scholars. The Book of Hujjah Allah al-Balighah by Shah Wali Allah al-Dihlawi is one of the book that the studies focus on to explore his knowledge presented through the scripture. These book are more than two-hundred-year-old and it's a treasure of Islamic knowledge that can be studied in a range of methods. As a result, the purpose of this study is to introduce al-Dihlawi as a multidisciplinary Islamic scientist and to explain the methodology he employed to compile his writings. By researching the study book and related writing resources, this qualitative study uses the literature methodology. The outcomes of the studies revealed that al-Dihlawi, through the Hujjah Allah al-Balighah book, not only explained the discussion of the wisdom of the zahir of every worship but also concentrated on the inner secrets on the contrary. He described asrar al-shariah, or the secrets of Shariah, in terms of analyzing the meaning of decisions made. Scholars have debated this issue in the context of maqasid al-shariah. Given its prolonged debate and continued relevance, this book is suitable to be highlighted in society. The contribution left by al-Dihlawi became one of the successors to Islamic knowledge for generations after him.

Keywords: Methodology, *Hujjah Allah al-Balighah*, al-Dihlawi.

### Abstrak

Legasi penyambung risalah keilmuan para ulama terdahulu adalah melalui karya yang dihasilkan oleh mereka. Karya-karya ini memiliki nilai yang tersendiri melalui pengolahan ilmu oleh para pengarang. Penerimaan terhadap karya tinggalan para ulama boleh dilihat melalui pengajian dan juga pengkajian daripada para pengkaji. Kitab *Hujjah Allah al-Balighah* karya Shah Wali Allah al-Dihlawi antara daripada kitab yang menjadi tumpuan para pengkaji untuk meneroka keilmuan beliau yang disampaikan melalui kitab tersebut. Kitab yang berusia lebih daripada dua ratus tahun ini merupakan khazanah ilmu Islam yang berharga dan masih signifikan untuk dikaji daripada pelbagai aspek. Justeru, kajian yang dijalankan terhadap kitab ini adalah untuk memperkenalkan al-Dihlawi sebagai ilmuan Islam yang terbilang dalam pelbagai disiplin ilmu serta menjelaskan metodologi yang digunakan dalam menyusun penulisan kitab beliau. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan meneliti kitab kajian dan sumber-sumber penulisan yang berkaitan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Dihlawi menerusi kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, bukan sahaja menjelaskan perbincangan hikmah-hikmah zahir setiap ibadat, akan tetapi menumpukan juga kepada rahsia-rahsia batin di sebaliknya. Beliau memperkenalkan *asrar al-shariah*, iaitu rahsia-rahsia syariat dalam memahami sesuatu maksud pensyariatan yang ditakrifkan. Aspek ini dibahaskan oleh para ulama dalam skop *maqasid al-shariah*. Kitab ini sesuai untuk diketengahkan dalam masyarakat memandangkan perbahasananya yang menyeluruh dan masih relevan. Sumbangan yang ditinggalkan oleh al-Dihlawi ini menjadi salah satu penerus kepada ilmu-ilmu Islam untuk generasi selepas beliau.

Kata kunci: Metodologi, *Hujjah Allah al-Balighah*, al-Dihlawi.

### PENGENALAN

Ulama sebagai pewaris para nabi meneruskan dakwah dan percambahan ilmu melalui saluran yang pelbagai mengikut kesesuaian semasa. Pengajaran secara langsung masih menjadi tonggak penyebaran ilmu kerana wadah ini merupakan metode yang digunakan oleh Rasulullah SAW. Melalui perkembangan penulisan dalam pelbagai aspek ilmu, para ulama bermula kurun kedua hijrah mula melebarkan penulisan dalam segenap aspek ilmu (al-Zuhaili, 1999). Karya-karya ulama ini menjadi penyambung kepada ilmu-ilmu mereka untuk diperturunkan dari generasi ke generasi. Di Alam Melayu sebagai contoh, karya yang dihasilkan mencakupi pelbagai bidang disiplin ilmu sama ada secara teoritikal seperti teologi ataupun praktikal seperti fikah dan tasawuf (Rahimin & Faizuri, 2008). Warisan seperti ini bukan sekadar tinggalan ilmu yang bermanfaat tetapi menjadi khazanah yang bernilai untuk diterokai dengan lebih mendalam.

## BIOGRAFI AL-DIHLAWI

Beliau adalah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwan al-Din al-Dihlawi. Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan meninggal pada tahun 1762M/1176H (al-Dihlawi, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Digelar dan dikenali sebagai "Shah Waliyy Allah". Perkataan "Shah" berasal daripada bahasa Parsi yang bermaksud "raja". Gelaran "Shah" pada masa itu hanya diberikan kepada para ahli sufi. Justeru, sebagai seorang sufi, bapanya sendiri telah memberikan gelaran tersebut kepada beliau (al-Dihlawi, 1999).

Beliau berketurunan Arab Quraisy, iaitu mempunyai salasilah Saidina Umar al-Khatab daripada sebelah bapanya dan Imam Musa al-Khazin daripada sebelah ibunya (al-Siyalkuti, 1999). Beliau seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai mujaddid alaf al-thani (Abdul Salam, 2007). Mendapat didikan yang sempurna daripada ayahnya sendiri. Pendidikannya telah bermula sejak usia lima tahun serta khatam bacaan dan hafalan al-Quran pada usia tujuh tahun (Jalbani, 1993). Beliau telah mempelajari ilmu tafsir, hadis, fikah, usul fiqh, ilmu kalam dan lain-lain lagi. Beliau juga menguasai ilmu falsafah, logik, bahasa Arab, sintaksis, morfologi, retorik dan lain-lain lagi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Penguasaannya terhadap pelbagai lapangan ilmu membuktikan beliau amat cintakan ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha untuk menyampaikan ajaran Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam. Sebagai seorang mujaddid, beliau telah menggunakan medium penulisan untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana masyarakat pada masa itu hidup dalam kejumudan dan taklid buta (Abdul Hayei, 1998).

Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antara karyanya yang masyhur adalah kitab *Hujjah Allah*, iaitu sebuah ensiklopedia yang menjadi rujukan kepada umat Islam dalam mengetahui rahsia syariat yang diturunkan kepada para nabi (Azharuddin, 2002). Antara karya lain dalam bidang pengajian al-Quran adalah *Fath Rahman fi Tarjamah al-Quran*, *al-Fawz al-Kabir* dan *al-Fath al-Kabir*. Bidang Hadis pula merangkumi kitab *al-Musawa min Ahadith al-Muwatta*, *Musaffa Sharh Muwatta*, dan *Sharh Tarajim Ba'd Abwab al-Bukhari* (Jalbani, 1993). Selain daripada karya tersebut, banyak lagi karya yang dihasilkan meliputi bidang falsafah, perundangan, politik, tasawuf, sejarah dan bibliografi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Dengan penghasilan karya-karya tersebut menunjukkan bahawa beliau seorang penulis yang berpengetahuan luas (Noraini, Abdul Manam & Zanirah, 2019) dan bersemangat waja dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat Islam pada masa tersebut.

## KITAB HUJJAH ALLAH AL-BALIGHAH

Kitab *Hujjah Allah* merupakan hasil karya agung al-Dihlawi yang memberi sumbangan besar dalam korpus keilmuan Islam. Kitab ini bernilai ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab. Keistimewaan kitab ini tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab agung bagi al-Dihlawi, malahan juga digunakan sebagai bahan rujukan utama bagi memberi penjelasan terperinci mengenai Islam sebagai al-Din di India bahkan di Alam Melayu, serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktinya, semenjak mula dihasilkan selepas kembalinya al-Dihlawi daripada mendalam i ilmu di Hijaz pada tahun 1732M hingga kini, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di pelbagai madrasah atau masjid sama ada di India maupun Malaysia (Islahi, 2011; Nik Abdul Aziz, 2007; al-Dihlawi, 1999). Dengan merujuk kepada aspek persejarahan ini sahaja, sudah wajarlah kitab yang tinggi nilainya ini menarik perhatian untuk dikaji dan dianalisis dengan sepenuhnya. Sehubungan itu, kitab *Hujjah Allah* diangkat sebagai sebuah ensiklopedia Islam yang menjadi rujukan penting kepada umat Islam (Jalbani, 1980; Azharudin, 2002; Abbott, 1968). Ia juga merupakan sebuah kitab yang paling unik dan mencakupi keseluruhan bidang ilmu (Bhat, 1997) sehingga disanjung oleh para ulama dan pelajar.

Antara keistimewaan kitab ini, kandungannya menerangkan rahsia-rahsia syariat (*asrar al-syari'ah*). *Asrar al-syari'ah* kebanyakannya didapati dalam perbahasan ilmu syariat khususnya berkaitan dengan ilmu *maqasid al-shari'ah*. Istilah *asrar* sinonim dengan istilah *maqasid* yang bermaksud mengetahui makna dan tujuan serta rahsia-rahsia dalam setiap hukum syariat (al-Yubi, 1998; al-Raysuni, 2005). Selain itu, istilah hikmah (*al-hikam*) juga merupakan istilah yang hampir dengan *maqasid* yang digunakan oleh ulama terdahulu terutama dalam buku-buku fikah apabila membincarakan sesuatu hukum seperti bab solat; hukum dan hikmahnya serta bab zakat; hukum dan hikmahnya. Mengikut al-Raysuni (2005), kalimah hikmah banyak diguna oleh para fuqaha' pada kurun pertama sehingga kurun keempat hijrah khususnya dalam menggambarkan tujuan syariat. Maka, ia juga disebut sebagai ilmu *asrar al-ahkam* atau *asrar al-tasyri'* atau *hikmah al-tasyri* (al-Jurjawi, 1997). Walaupun al-Dihlawi berbangsa India dan tidak pernah tinggal di negara Arab, beliau telah menulis kitab ini dalam bahasa Arab dengan begitu baik dan fasih (Hamka, 2003). Beliau menulis sebagaimana orang Arab yang tulen dan bebas daripada sebarang kesalahan tatabahasanya (Islahi, 2011).

## METODOLOGI PENYUSUNAN KITAB HUJJAH ALLAH AL-BALIGHAH

Kandungan kitab *Hujjah Allah* disusun dalam dua bahagian sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Dihlawi dalam kata pengantar kitab: “*Kemudian saya telah menyusun kitab ini kepada dua bahagian... (al-Dihlawi, 1: 45)*”.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian kepada kitab dan kajian terhadap kandungan kitab, penyelidik mendapati sebelum membahaskan bahagian pertama, al-Dihlawi memulakan kitabnya dengan kata pengantar dan mukadimah serta tidak dinyatakan penutup secara keseluruhan kitab. Beliau hanya menyatakan penutup di akhir setiap perbahasan kedua-dua bahagian secara ringkas.

Setiap tajuk perbincangan dalam kitab *Hujjah Allah* menggunakan perkataan *al-Qism*, *al-Mabhath*, *Bab*, *Min Abwab* dan *Fasl* serta sub-sub topik yang tidak dinyatakan pengkhususannya. *Al-Qism* adalah merujuk kepada pembahagian kitab yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *al-Qism al-Awwal* dan *al-Qism al-Thani*. *Al-Qism al-Awwal* merangkumi *al-Mabhath*, *Bab* dan *Fasl*. Manakala *al-Qism al-Thani* mengandungi *Min Abwab* dan *Fasl* serta sub-sub topik yang tidak dinyatakan pengkhususannya.

*Al-Mabhath* adalah merujuk kepada tajuk utama yang merangkumi tujuh perbahasan; contohnya *al-Mabhath al-Rabbi'*: *Mabhath al-Sa'adah*. Manakala *Bab* dalam bahagian pertama adalah pecahan atau sub-topik kepada *al-Mabhath*; contohnya *Bab Haqiqah al-Sa'adah* (*Bab Hakikat Kebahagiaan*).

*Min Abwab* pula merupakan tajuk utama dalam bahagian kedua (*al-Qism al-Thani*); contohnya *Min Abwab al-Taharah* (Perkara-perkara Berkaitan dengan Bersuci). Manakala *Fasl* merupakan persoalan yang lebih kecil dalam *Bab* dan *Min Abwab*. Namun, ia hanya terdapat dalam dua tempat sahaja iaitu *Fasl fi Masail Dallat fihā al-Afham* dalam *Bab Hikayah Hal al-Nas Qabl al-Ma'ah al-Rabi'ah Wa Ba'dihā* dan *Fasl fi al-Wudu'* (Penjelasan tentang Wuduk) dalam *Min Abwab al-Taharah* (Perkara-perkara Berkaitan dengan Bersuci).

Walaupun pengarang hanya meletakkan *Fasl* dalam dua tempat sahaja, namun pecahan-pecahan kepada *Min Abwab* dinyatakan dalam sub-sub topik yang tidak dinyatakan pengkhususannya; contohnya *Fasl al-Sawm*, *Ahkam al-Sawm* dan *Umur Tata 'allaq bi al-Sawm* adalah pecahan daripada *Min Abwab al-Sawm*. Pembahagian-pembahagian secara terperinci dinyatakan dalam sub topik seterusnya.

## Kata Pengantar

Al-Dihlawi memulakan kitabnya dengan kata pengantar sebanyak lapan halaman yang dimulai dengan *basmalah* dan pujian-pujian bagi Allah SWT. Beliau bukan sekadar menyatakan pujiannya terhadap Allah SWT tetapi telah menjelaskan bahawa Allah SWT mengutuskan para Nabi yang dilengkapkan dengan ketinggian ilmu dan akhlak untuk menuntun manusia mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Allah SWT juga menjadikan para ulama, iaitu pewaris para Nabi yang memahami rahsia-rahsia

syariat Nabi dan mereka mendapat pengiktirafan oleh Allah SWT dan semua makhluk. Seterusnya beliau mendoakan kesejahteraan ke atas mereka dan pewarisnya.

Kemudiannya al-Dihlawi berpendapat (di samping memperkenalkan diri dengan menyebut nama dan gelarannya serta mendoakan kedamaian buat keturunannya yang mulia) bahawa ilmu periwayatan hadis adalah semulia-mulia ilmu dan terkandung dalam *al-'ulum al-yaqiniyyah*. Seterusnya beliau menyatakan tentang perbahasan utama kitab yang memfokuskan kepada masalah-masalah yang terdapat dalam hadis Nabi SAW dan disusuli dengan selawat serta salam ke atas Rasulullah SAW. Bagi beliau, pentingnya ilmu hadis dan periwayatannya adalah kerana kedudukan ilmu tersebut setara dengan al-Quran atau lebih luas lagi. Hal ini disebabkan Hadis-hadis Nabi SAW diperlukan untuk memahami ajaran-ajaran al-Quran.

Seterusnya beliau menjelaskan bahawa terdapat beberapa tingkatan ilmu Hadis dan beberapa darjat para sarjananya. Dalam hal ini, terdapat tiga tingkatan dalam kajian ilmu hadis menurut sarjana hadis, iaitu tingkatan paling luar yang menentukan taraf periwayat hadis, tingkatan berikutnya menentukan maksud setiap Hadis Nabi SAW dan tingkatan akhir mengeluarkan hukum daripada Hadis-hadis Nabi SAW. Di samping itu, al-Dihlawi menambah satu lagi tingkatan ilmu hadis yang paling tinggi, iaitu mengetahui makna-makna batin hukum agama atau rahsia-rahsia yang terdapat dalam Hadis Nabi SAW yang dinamai sebagai ilmu rahsia-rahsia agama (*'ilm asrar al-din/ 'ilm asrar al-shari'ah/ 'ilm asrar al-Hadis*). Tingkatan ilmu inilah yang dibahaskan dalam kitab beliau ini. Beliau bersumpah “*Wa Allah*” bahawa inilah ilmu yang paling tinggi yang mesti dikaji sedalam mungkin bagi golongan yang layak, iaitu golongan yang dibukakan pengetahuan dan diberikan ilham oleh Allah SWT termasuklah diri beliau.

Seterusnya beliau menyatakan hubungan ilmu *asrar al-din* dengan ilmu Hadis yang tidak dapat dipisahkan dan saling melengkapi. Ilmu *asrar al-din* juga amat penting untuk dipelajari kerana ia dapat memberi kefahaman yang jelas hukum-hukum syarak seterusnya meneguhkan keimanan kepada Allah SWT. Setelah itu diterangkan dorongan-dorongan yang menyebabkan al-Dihlawi menulis kitab ini dan mengakhiri kata pengantar dengan penamaan karyanya sebagai *Hujjah Allah*.

### **Pendahuluan (*Muqaddimah*)**

Setelah selesai kata pengantar, al-Dihlawi meneruskan *muqaddimah* sebanyak 20 halaman dengan menyangkal dakwaan sebahagian golongan (tanpa menyatakan golongan tersebut) yang menolak aspek kemasyhahatan (*masalih*) dalam setiap perundangan Islam. Beliau menyatakan bahawa Nabi SAW, para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin juga menyangkal perkara tersebut. Seterusnya beliau membawakan Hadis Nabi SAW dan ayat al-Quran berhubung dengan kepentingan niat dalam sesuatu

amalan. Kemudiannya menjelaskan tentang *maslahah* ibadat solat, zakat, puasa, haji dan ibadat-ibadat sunat lainnya dengan membawakan dalil-dalil al-Quran, Hadis Nabi SAW dan pandangan para ulama. Al-Dihlawi bukan sekadar menjelaskan hikmah-hikmah zahir setiap ibadat tersebut tetapi menumpukan kepada rahsia-rahsia batin di sebaliknya.

Seterusnya dijelaskan peranan dan tugas syarak kepada manusia yang bukan hanya menyatakan hukum wajib atau haram semata-mata tetapi menjelaskan faedah sesuatu amalan. Usaha untuk mengeluarkan segala *maslahah* ini bukan sekadar dinilai melalui akal sebagaimana golongan Muktazilah. Ia perlu dilakukan berdasarkan sumber-sumber berautoriti dalam Islam khususnya al-Quran dan al-Sunnah.

Al-Dihlawi menjelaskan lagi bahawa tidak semua umat Islam dapat mendalami cabang ilmu *asrar al-din* ini. Ia hanya terbatas untuk para ahlinya dan beliau menegaskan bahawa haram hukumnya melakukan penelitian dalam bidang Hadis mahupun tafsir dengan bersandarkan kepada pendapat peribadi tanpa diasaskan kepada sunnah Nabi SAW atau para sahabat. Seterusnya beliau membawakan lagi dalil-dalil Hadis berkenaan balasan baik dan buruk sesuatu hukum syarak.

Beliau juga membawakan analogi-analogi terhadap beberapa masalah yang berkaitan dengan penulisan ilmu *asrar al-din*. Pertama, tentang pandangan yang menganggap penulisan ilmu tersebut tidak berguna kerana melaksanakan hukum Tuhan tidak bergantung kepada pengetahuan tentang *maslahah* tetapi kewajipan tersebut perlu dipatuhi kerana suruhanNya. Kedua, sangat sulit untuk menulis ilmu-ilmu tersebut kerana perbahasannya agak samar dan tidak jelas. Ketiga, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa generasi-generasi terdahulu tidak menulis karya tentang masalah ini. Pandangan-pandangan tersebut telah dibahaskan oleh pengarang dengan membawakan dalil-dalil wahyu dan hujah-hujah logik sehingga menampakkan perlunya menulis tentang ilmu *asrar al-din*. Al-Dihlawi juga membawakan pelbagai kepentingan dan manfaat yang diperoleh semua golongan daripada ilmu tersebut. Beliau turut menyatakan sumber-sumber penulisan bagi kitab ini.

Beliau menghuraikan dua masalah utama yang diperselisihkan oleh *ahl al-qiblah* berhubung dengan ‘*sunnah*’ sehingga munculnya pelbagai aliran yang berbeza mengikut kefahaman dan pegangan masing-masing. Pertama, masalah-masalah yang diungkapkan dalam al-Quran, ditegaskan oleh al-Sunnah dan diamalkan oleh golongan salaf dalam kalangan sahabat dan tabiin. Antaranya masalah timbangam amal, melihat Allah SWT dan *karamah* para wali. Kedua, masalah-masalah semasa yang tidak dinyatakan dalam al-Quran, al-Sunnah dan dalam kalangan para sahabat dan sesudahnya. Contohnya masalah-masalah yang bersifat umum dan penyelidikan-

penyelidikan sains semasa. Setelah menyatakan kepelbagaian aliran yang muncul seperti Ahl al-Sunnah, Muktazilah, Asya'irah dan Maturidiyyah yang membahaskan tentang masalah-masalah tersebut, al-Dihlawi menegaskan bahawa beliau tidak terpengaruh dengan fahaman-fahaman itu kecuali ia selari dengan al-Quran, al-Sunnah dan pandangan ulama muktabar.

Dijelaskan juga bahawa setiap bidang ilmu mempunyai ahlinya dan ada syarat-syarat tertentu untuk menjadi ahli dalam sesuatu cabang ilmu. Begitu juga dengan ilmu *asrar al-hadith*. Seseorang yang mempraktikkan ilmu ini seharusnya berpegang pada sumber terbaik dalam bidang ilmu tersebut khususnya sumber yang digunakan dalam penulisan ilmu Hadis. Beliau menegaskan sumber penulisan kitab ini adalah al-Quran, Hadis, ijmak dan ijtihad para ulama muktabar. Namun demikian, beliau tidak menolak penyelidikan yang berdasarkan metode deduksi, perdebatan dan penghujahan. Hal ini merupakan keistimewaan yang terdapat pada para sarjana masing-masing. Bahagian *muqaddimah* ini diakhiri dengan pembahagian kandungan kitab dan puji-pujian bagi Allah SWT.

**Bahagian Pertama (*al-Qism al-Awwal*): Prinsip-Prinsip Umum Berkenaan Maslahah Yang Terdapat Dalam Hukum-Hukum Syariat Yang Dibahagikan Kepada Tujuh Perbahasan (*Fi al-Qawa'id al-Kulliyah Allati Tustinbat Minha al-Masalih al-Mur'iyyah fi al-Ahkam al-Shar'iyyah Wahiyah Sab'at Mabahith fi Sab'in Baban*)**

Bahagian ini dimulakan dengan perbahasan pertama tanpa dinyatakan pendahuluan. Ia mengandungi tujuh perbahasan (*al-mabhath*) dan setiap perbahasan mengandungi beberapa perkara (*bab*). Kajian pengkaji terhadap kepada kitab *Hujah Allah Al-Balighah* daripada *ta'liq Muhammad Syarif* cetakan Dar Ihya' al-'Ulum Beirut tahun 1999, pembahagian perbahasan dan bab dapat dilihat dalam jadual di bawah:

### Jadual 1.0: Pembahagian *al-Mabhath* dan *Bab* dalam *al-Qism al-Awwal*

<b>Bil.</b>	<b><i>Al-Mabhath</i></b>	<b><i>Bab</i></b>	<b>Halaman</b>	<b>Jilid</b>
1	<i>Al-Awwal Mabhath Fi Asbab al-Taklif wa al-Majazat</i> (Sebab-sebab Ditaklifkan Manusia dan Sebab-Sebab Pembalasannya)	<i>Al-Ibda' wa al-Khalq wa al-Tadbir</i>	47-50	1
		<i>Zikr Alam al-Mithal</i>	51-56	1
		<i>Al-Mala' al-A'ala</i>	56-61	1
		<i>Zikr Sunnah Allah</i>	62-65	1
		<i>Haqiqah al-Ruh</i>	66-69	1
		<i>Sirr al-Taklif</i>	69-72	1
		<i>Insyiqaq al-Taklif min al-Taqdir</i>	72-81	1
		<i>Iqtida' al-Taklif al-Majazat</i>	82-86	1
		<i>Ikhtilaf al-Nas fi Jibbillatihim</i>	86-89	1
		<i>Fi Asbab al-Khawatir al-Ba'ithah 'ala al-A'amal</i>	91-92	1
		<i>Lasuq al-A'amal bi al-Nafs wa Ihsa'iha 'Alayha</i>	92-96	1
		<i>Irtibat al-A'amal bi al-Hay'at al-Nafsiyyah</i>	96-98	1
		<i>Asbab al-Majazat</i>	98-100	1
2	<i>Al-Thani Mabhath Kayfiyat al-Majazat fi al-Hayat wa ba'ad al-Mamamat</i> (Konsep Pembalasan Semasa Hidup dan Selepas Mati)	<i>Al-Jaza' 'ala al-A'amal fi al-Dunya</i>	101-105	1
		<i>Zikr Haqiqah al-Mawt</i>	105-109	1
		<i>Ikhtilaf Ahwal al-Nas fi al-Barzakh</i>	109-113	1
		<i>Zikr Syai'u min Asrar al-Waqai'al-Hasyariyyah</i>	113-118	1
3	<i>Al-Thalith Mabhath al-Irtifaqat</i> (Konsep Irtifaqat Perkara-Perkara yang Manfaat atau Kemajuan Pembangunan Insan)	<i>Kayfiyat Istinbat al-Irtifaqat</i>	119-123	1
		<i>Al-Irtifaq al-Awwal</i>	123-125	1
		<i>Fann Adab al-Ma'asy</i>	126-128	1
		<i>Tadbir al-Manzil</i>	128-132	1
		<i>Fann al-Mu'amalat</i>	133-135	1
		<i>Siyasah al-Madaniyah</i>	135-139	1
		<i>Sirah al-Muluk</i>	139-141	1
		<i>Siyasah al-A'awan</i>	142-145	1
		<i>Al-Irtifaq al-Rabi'</i>	145-147	1

		<i>Infaq al-Nas 'ala Usul al-Irtifaqat</i>	148-149	1
		<i>Al-Rusum al-Sa'irah fi al-Nas</i>	150-152	1
4	<i>Al-Rabi'</i> <i>Mabhat al-Sa'adah</i> (Konsep Kebahagiaan)	<i>Haqiqah al-Sa'adah</i>	153-1561	1
		<i>Ikhtilaf al-Nas fi al-Sa'adah</i>	156-157	1
		<i>Tuwazza'u al-Nas fi Kayfiyat Tahsil hazihi al-Sa'adah</i>	157-160	
		<i>Al-Usul al-lati Yarja'u ilayha Tahsil al-Tariqah al-Thaniyah</i>	161-165	1
		<i>Tariq Iktisab hazihi al-Khisal wa Takmil Naqisuhu Wurida Fa'itaha</i>	165-169	
		<i>Al-Hijab al-Mani'ah 'an Zuhur al-Fitrah</i>	169-171	1
		<i>Tariq Raf'u hazihi al-Hijab</i>	171-173	1
		<i>Muqaddimah fi Bayan Haqiqah al-Birr wa al-Ithm</i>	174-175	
		<i>Al-Tawhid</i>	175-179	1
5	<i>Al-Khamis</i> <i>Mabhat al-Birr wa al-Ithm</i> (Konsep Kebaikan dan Dosa)	<i>Fi Haqiqah al-Syirk</i>	179-183	1
		<i>Aqsam al-Syirk</i>	183-188	1
		<i>Al-Iman bi Sifat Allah Ta'ala</i>	189-195	1
		<i>Al-Iman bi al-Qadr</i>	195-200	1
		<i>Al-Iman bi'an al-Ibadat Haqq Allah Ta'ala 'ala Ibadih li'annahu Mun'im 'alayhim Majaz lahum bi al-Iradah</i>	200-206	
		<i>Ta'azim Sya'a'ir Allah Ta'ala</i>	206-209	1
		<i>Asrar al-Wudu' wa al-Ghasl</i>	209-214	1
		<i>Asrar al-Salat</i>	214-217	1
		<i>Asrar al-Zakat</i>	217-219	1
		<i>Asrar al-Sawm</i>	220-222	1
		<i>Asrar al-Hajj</i>	222-224	1
		<i>Asrar Anwa' min al-Birr</i>	224-227	1
		<i>Tabaqat al-Ithm</i>	227-231	1
		<i>Mafasid al-Ithm</i>	231-233	1
		<i>Fi al-Ma'asi allati hiya fima baynahu wa bayna Nafsih</i>	233-236	1

		<i>Al-Ithm allati hiya fima baynahu wa bayna al-Nas</i>	237-242	1
6	<i>Al-Sadis Mabhath al-Siyasat Al-Milliyyah</i> (Konsep Politik Keagamaan)	<i>Al-Hajah ila هدأة السبيل wa Muqimi al-Milal</i>	243-246	1
		<i>Haqiqah al-Nubuwwah wa Khawasuhu</i>	246-254	1
		<i>Bayan an Usul al-Din Wahid wa al-Syarai'u wa al-Manahij Mukhtalifah</i>	254-259	1
		<i>Asbab Nuzul al-Syarai'u al-Khassah bi 'Asr duna 'Asr wa Qawm duna Qawm</i>	259-267	1
		<i>Asbab al-Mu'akhizah 'ala al-Manahij</i>	267-272	1
		<i>Asrar al-Hikam wa al-'Illah</i>	272-277	1
		<i>Al-Masalih al-Muqtadiyyah li Ta'ayin al-Fara'id wa al-Arkan wa al-Adab</i>	277-285	1
		<i>Asrar al-Awqat</i>	285-290	1
		<i>Asrar al-A'dad wa al-Maqadir</i>	290-297	1
		<i>Asrar al-Qada' wa al-Rukhsah</i>	297-301	1
		<i>Iqamah al-Irtifaqat wa Islah al-Rusum</i>	301-309	1
		<i>Al-Ahkam allati Yajiru Ba'aduha li Ba'al</i>	309-315	1
		<i>Dabit al-Mubham wa Tumayyiz al-Musykil wa al-Takhrij min al-Kulliyyah wa Nahw dhalik</i>	315-322	1
		<i>Al-Taysir</i>	322-326	1
		<i>Asrar al-Targhib wa al-Tarhib</i>	326-340	1
		<i>Tabaqat al-Ummah bi I'atibar al-Khuruj ila al-Kamal al-Matlub aw Didduhu</i>	333-340	1
		<i>Al-Hajah ila Din Yansikh al-Adyan</i>	340-346	1

		<i>Ihkam al-Din min al-Tahrif</i>	346-356	1
		<i>Asbab al-Naskh</i>	356-360	1
		<i>Bayan ma kana ‘Alayh Hal Ahl al-Jahiliyyah fa Aslahah al-Nabi SAW</i>	360-370	1
7	<i>Al-Sabi‘ Mabhath Istibat al-Syarai‘u min Hadith al-Nabi SAW (Istibat yang Terbaik dari Hadis Rasulullah SAW)</i>	<i>Bayan Aqsam ‘Ulum al-Nabi SAW</i>	371-373	1
		<i>Al-Farq bayna al-Masalih wa al-Syara‘i‘u</i>	373-379	1
		<i>Kayfiyat Talaqqa al-Ummah al-Syar‘u min al-Nabi SAW</i>	379-383	1
		<i>Tabaqat Kutub al-Hadith</i>	383-391	1
		<i>Kayfiyat Fahm al-Murad min al-Kalam</i>	391-393	1
		<i>Kayfiyat Fahm al-Ma‘ani al-Syar‘iyyah min al-Kitab wa al-Sunnah</i>	393-397	1
		<i>Al-Qada’ fi al-Ahadith al-Mukhtalifah</i>	397-403	1
		<i>Asbab Ikhtilaf al-Sahabah wa al-Tabi‘in fi al-Furu‘</i>	404-415	1
		<i>Asbab Ikhtilaf Madhahib al-Fuqaha‘</i>	415-424	1
		<i>Al-Farq bayna al-Hadith wa Asbab al-Ra‘y</i>	424-438	1
		<i>Hikayah Hal al-Nas Qabl al-Ma‘ah al-Rabi‘ah wa ba‘diha</i>	438-442	1
		<i>Fasl fi Masa‘il Dallat fiha al-Afham</i>	442-463	1

Berdasarkan jadual di atas, perbahasan pertama dan kedua dimulakan dengan persoalan akidah terutamanya berkaitan dengan alam ghaib dan alam akhirat. Aspek-aspek tersebut dibahaskan kerana ia menjadi keutamaan manusia hidup di dunia dan membantu manusia mencapai hakikat kehidupan yang sebenar. Perbahasan ketiga membincangkan pembinaan sebuah tamadun berdasarkan syariat Allah SWT. Menurut al-Dihlawi, sebuah tamadun yang sempurna mestilah berasaskan akidah, syariat dan akhlak. Di samping itu, perbincangan tentang aspek politik, ekonomi dan sosial turut disentuh beliau. Kejayaan sebuah tamadun bergantung kepada kesempurnaan individu. Setiap masyarakat mempunyai peranan masing-masing

dalam membentuk tamadun. Justeru, beliau turut membincangkan ciri-ciri seorang pemimpin dan ahli masyarakatnya.

Perbahasan keempat pula menekankan perbahasan *al-sa'adah* yang berkaitan dengan akhlak manusia. Beliau membincangkan *al-sa'adah al-haqiqiyah* merujuk kepada penguasaan individu terhadap sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) ke atas sifat kehawanan (*bahimiyyah*). Seterusnya, perbahasan kelima membincangkan prinsip-prinsip kebijakan dan dosa yang sama, dipegang dalam kalangan semua ahli *millah*, perkara yang wajib semasa menjalankan politik pentadbiran umat termasuklah mengadakan hudud dan pelbagai undang-undang. Kemudian cara mewujudkan undang-undang dan penerimaannya daripada Nabi SAW. Perbahasan keenam memfokuskan kepada hakikat kenabian dan ciri-cirinya. Penjelasan tentang hukum hakam agama dan rahsia-rahsia di sebalik ketetapan suruhan dan larangan Allah SWT. Pengarang turut menyentuh kewajipan manusia menjaga agama, sebab-sebab perbezaan Islam dengan Yahudi dan Nasrani serta gambaran situasi masyarakat jahiliah. Hal ini menjelaskan bahawa hanya agama Islam diterima di sisi Allah SWT. Perbahasan ketujuh pula menerangkan metode dan cara-cara pengambilan hukum syariat daripada Nabi SAW. Justeru, perbahasan ini merujuk kepada bidang ilmu Hadis (*Ulum al-Hadith*). Al-Dihlawi juga menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara mazhab-mazhab *fiqh* terutama mazhab Syafi'i dan Hanafi.

Walaupun setiap perkara dibincangkan dalam beberapa perbahasan, namun setiap perbahasan atau bab dijelaskan secara terperinci dan saling berkaitan antara satu sama lain. Hal ini dinyatakan oleh beliau sendiri dalam mukadimah kitab sebagaimana katanya:

*Saya melihat bahawa keterangan-keterangan mengenai dimensi batin syariat Ilahi berasal daripada dua dasar; kajian mengenai kebijakan dan dosa serta kajian mengenai kebijakan-kebijakan yang mengatur agama. Kemudian saya melihat bahawa watak dasar kebijakan dan dosa hanya dapat difahami dengan baik jika sebelumnya seseorang telah memahami pelbagai masalah yang berkaitan dengan balasan, pelbagai hal yang mendukung perkembangan peradaban (irtifaqat), dan kebahagiaan yang menjadi tujuan umat manusia (Al-Dihlawi, 1999, 1: 45 ).*

Secara ringkas, bahagian ini membincangkan isu hubungan manusia dengan Tuhan dan sesama manusia, pendirian umat Islam mengenai kewajiban mematuhi hukum, perkara berkaitan rohani dan jasmani, isu undang-undang, termasuk kehidupan

sesudah kematian. Kebanyakan pendapat al-Dihlawi berkait rapat dengan hubungan dengan Tuhan dan kebergantungan manusia terhadap undang-undang Islam. Justeru, ketujuh-tujuh perbahasan dalam bahagian pertama ini merangkumi semua bidang ilmu khususnya berhubung dengan ilmu rahsia-rahsia syariat (*asrar al-syari'ah*), antaranya akidah, syariat, akhlak, *fiqh*, Hadis, sejarah, politik, ekonomi dan sosial. Bahagian ini diakhiri dengan puji-pujian pengarang terhadap Allah SWT. Bahagian pertama ini membentangkan ilmu utama yang perlu difahami dan menjadi dasar kepada bahagian kedua. Seterusnya al-Dihlawi memperincikan lagi perbahasan mengenai rahsia syariat (*asrar al-syari'ah*) berdasarkan Hadis-hadis Nabi SAW dalam bahagian kedua.

### **Bahagian Kedua (*al-Qism al-Thani*): Menjelaskan Rahsia-rahsia Hadis Nabi SAW secara terperinci (*Fi Bayan Asrar Ma Ja'a 'an al-Nabi SAW Tafsilan*)**

Bahagian kedua ini dimulai dengan penjelasan maksud tajuk yang mana al-Dihlawi mengemukakan perbincangan mengenai perkara-perkara dalam bahagian ini berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW. Kebanyakan Hadis-hadis yang dinukilkan adalah daripada Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud dan al-Tirmidhi. Amat sedikit pengarang membawa Hadis-hadis daripada yang lain dan hanya dinyatakan secara ringkas. Perbahasan rahsia Hadis Nabi ini memfokuskan kepada tema-tema khusus, iaitu iman, ilmu, bersuci, salat, zakat, puasa, haji, *ihsan*, muamalat, pengurusan rumah tangga, politik kenegaraan, gaya hidup ideal, dan lain-lain. Perkara-perkara ini dibahaskan bermula pada jilid pertama dan keseluruhan jilid kedua. Pembahagian perkara-perkara yang terkandung dalam bahagian ini sepertimana dalam jadual di bawah.

**Jadual 2.0: Pembahagian *Min Abwab* dan *Fasl***

Bil.	<i>Min Abwab</i>	<i>Fasl</i> dan Sub Topik	Halaman	Jilid
1	<i>Al-Iman</i>	-	464-483	1
2	<i>Al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah</i>	-	483-494	1
3	<i>Al-Taharah</i>	<i>Fasl Fi al-Wudu'</i>	696-697	1
		<i>Sifat al-Wudu'</i>	497-500	1
		<i>Mujibat al-Wudu'</i>	501-504	1
		<i>Al-Mash 'ala al-Khiffayn</i>	504-505	1
		<i>Sifat al-Ghusl</i>	506-507	1
		<i>Mujibat al-Ghusl</i>	507-510	1

		<i>Ma Yubah li Junub wa al-Muhaddath wama la Yubah lahuma</i>	510-511	1
		<i>Al-Tayammum</i>	511-514	1
		<i>Adab al-Khala'</i>	514-517	1
		<i>Khisal al-Fitrah wa ma Yattasil biha</i>	517-520	1
		<i>Ahkam al-Miyah</i>	520-524	1
		<i>Tathir al-Najasat</i>	524-527	1
4	<i>Al-Solat</i>	<i>Fadl al-Solat</i>	529-530	1
		<i>Awqat al-Solat</i>	530-538	1
		<i>Al-Azan</i>	538-541	1
		<i>Al-Masajid</i>	541-547	1
		<i>Thiyab al-Musalli</i>	547-550	1
		<i>Al-Qiblah</i>	550-552	1
		<i>Al-Sitrah</i>	5-6	2
		<i>Al-Umur al-lati la budda minha fi al-Salat</i>	7-15	2
		<i>Adhkar al-Solat wa Hai'atuha al-Mandub ilayha</i>	16-32	2
		<i>Ma la Yajur fi al-Salat wa Sujud al-Sahw wa al-Tilawah</i>	32-35	2
		<i>Sujud al-Tilawah</i>	35-36	2
		<i>Al-Nawafal</i>	36-52	2
		<i>Al-Iqtisad fi al-'Umal</i>	53-56	2
		<i>Salat al-Ma'azurin</i>	57-62	2
		<i>Al-Jama'ah</i>	62-70	2
		<i>Al-Jumu'at</i>	71-76	2
		<i>Al-'Idan</i>	77-80	2
		<i>Al-Jana'iz</i>	81-99	2
5	<i>Al-Zakat</i>	<i>Fadl al-Imfaq wa Karahiyah al-Imsak</i>	105-109	2
		<i>Maqadir al-Zakat</i>	110-114	2
		<i>Al-Masarif</i>	114-120	2
		<i>Umur Tata'allaq bi al-Zakat</i>	120-124	2
6	<i>Al-Sawm</i>	<i>Fadl al-Sawm</i>	130-133	2
		<i>Ahkam al-Sawm</i>	133-140	2
		<i>Umur Tata'allaq bi al-Sawm</i>	141-145	2
7	<i>Al-Hajj</i>	<i>Sifah al-Manasik</i>	152-160	2
		<i>Qissah Hajjah al-Wida'</i>	161-171	2
		<i>Umur Tata'allaq bi al-Hajj</i>	171-175	2

8	<i>Al-Ihsan</i>	<i>Al-Afkar wa ma Yata 'allaq biha</i>	185-215	2
		<i>Baqiyyah Mabahith al-Ihsan</i>	216-233	2
		<i>Al-Maqamat wa al-Ahwal</i>	233-274	2
9	<i>Ibtigha' al-Rizq</i>	<i>Al-Buyu' al-Munahha 'Anha</i>	282-296	2
		<i>Ahkam al-Bai'u</i>	297-304	2
		<i>Al-Tabarru' wa al-Ta 'awun</i>	305-311	2
		<i>Al-Fara'id</i>	312-325	2
10	<i>Tadbir Manzil</i>	<i>Al-Khitabah wa ma Yata 'allaq biha</i>	326-332	2
		<i>Dhikr al- 'Awrat</i>	332-337	2
		<i>Sifat al-Nikah</i>	338-347	2
		<i>Al-Muharramat</i>	348-355	2
		<i>Adab al-Mubasyarah</i>	356-358	2
		<i>Huquq al-Zawjiyah</i>	359-366	2
		<i>Al-Talaq</i>	367-372	2
		<i>al-Khulu', wa al-Zihar, wa al-Li 'an, wa al-Ila'</i>	372-376	2
		<i>Al- 'Iddah</i>	377-379	2
		<i>Tarbiyah al-Awlad wa al-Mamalik</i>	380-383	2
		<i>Al- 'Aqiqah</i>	383-393	2
11	<i>Siyasah Mudun</i>	<i>Al-Khilafah</i>	396-402	2
		<i>Al-Mazalim</i>	402-420	2
		<i>Al-Hudud</i>	421-442	2
		<i>Al-Qada'</i>	443-453	2
		<i>Al-Jihad</i>	454-480	2
12	<i>Al-Ma 'isyah</i>	<i>Al-At 'imah wa al-Asyribah</i>	483-498	2
		<i>Adab al-Ta 'am</i>	498-506	2
		<i>Al-Musakkarat</i>	506-510	2
		<i>Adab al-Sharab</i>	511-512	
		<i>Al-Libas wa al-Zinah wa al-Awani wa nahwiha</i>	512-531	2
		<i>Adab al-Sahabah</i>	532-548	2
		<i>Wa mimma Yata 'allaq biha al-Mabhat Ahkam al-Nudhur wa al-Iman</i>	549-553	2
13	<i>Syatta</i>	<i>Sayr al-Nabi SAW</i>	554-573	2
		<i>Al-Fitan</i>	573-583	2
		<i>Al-Manaqib</i>	584-586	2

Jadual di atas menunjukkan perincian tentang rahsia-rahsia hukum syariat (*asrar al-shari‘ah*) daripada bahagian pertama. Bahagian kedua ini memuatkan 13 perkara yang dimulakan dengan perkara-perkara berhubung dengan iman dan ilmu. Kedua-dua perkara ini tidak dinyatakan sub-sub topik berbanding dengan sepuluh perkara seterusnya. Kedua-dua perkara ini menjadi teras kepada perkara-perkara lainnya.

Al-Dihlawi membicarakan perkara-perkara yang berhubung dengan ibadat khusus, iaitu bersuci, solat, zakat, puasa dan haji secara terperinci. Penjelasan tentang rahsia-rahsia bersuci dan solat paling banyak dinyatakan sub topik, iaitu masing-masing 12 dan 18 sub topik. Manakala zakat, puasa dan haji masing-masing 4, 3 dan 3 sub topik. Beliau memposisikan pembahasan *taharah* di urutan pertama berbanding bahasan lainnya. Hal ini difahami kerana ulama *fiqh* memandang *taharah* sebagai perbuatan fundamental sebelum seseorang memulai ibadat. Kebanyakan ibadat banyak yang mensyaratkan *taharah* sebagai syarat sah bagi suatu amalan. Hal ini kerana kitab yang bercorak *fiqh* dari klasik hingga moden sering menempatkan bab *taharah* pada perbahasan pertama (Hairul Hudaya, 2017).

Seterusnya al-Dihlawi membawakan penjelasan tentang *al-Ihsan* yang mana ia berhubung dengan perkembangan batin dan tingkatan-tingkatan para *salik* dalam ilmu tasawuf. Perkara ini dibincangkan dalam tiga sub topik. Beliau juga membawakan rahsia-rahsia Hadis Nabi SAW berhubung dengan muamalat, pengurusan rumah tangga, politik kenegaraan, gaya hidup ideal dan kehidupan Rasulullah SAW masing-masing dalam 4, 11, 5, 6 dan 3 sub topik. Bahagian ini juga diakhiri dengan puji-pujian terhadap Allah SWT.

## KESIMPULAN

Karya agung al-Dihlawi ini merupakan salah satu sumbangan besar dalam bidang keilmuan Islam. Penerokaan terhadap kitab beliau makin berkembang memandangkan para ilmuan Islam mula menyedari peri pentingnya perbahasan-perbahasan yang diutarakan oleh al-Dihlawi. Kepakaran beliau mencakupi segenap disiplin ilmu Islam sama ada teoritikal ataupun spiritual. Karya beliau iaitu kitab *Hujjah Allah al-Balighah* sudah tidak asing bagi penuntut dan pengkaji ilmu Islam kerana bukan sahaja menyediakan saluran ilmu-ilmu asas Islam, bahkan beliau memberi nafas baru dalam penghayatan *asrar al-shariah* (rahsia-rahsia pensyariatan). Usaha-usaha penyebaran ilmu daripada al-Dihlawi perlu diteruskan untuk dikembangkan kepada generasi yang akan datang.

## RUJUKAN

- Abbott, F. (1968). *Islam and Pakistan*. New York: Cornell University Press.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. (1993). Biografi dan pemikiran tajdid Shah Waliyyullah al-Dihlawi. Dlm. Mohamad Kamil Ab. Majid. *Tokoh-tokoh pemikir Islam*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Muhammad Syukri (ed.). (2007). *Dimensi pemikiran Shah Waliyyallah al-Dihlawi dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. (1999). *Hujjah Allah al-balighah*. Tahqiq Sayyid Sukkar. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Ulum.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2000). *The socio-political thought of Shah Waliyy Allah*. Islamabad: T.p.
- Al-Jurjawi, Syeikh Ali Ahmad. (2006). *Hikmah al-tasyri' wa falsafatuh*. Terj. Faisal Saleh. Jakarta: Gema Insani.
- Al-Raysuni, Ahmad. (2005). *Imam al-Shatibi's theory of the higher objectives and intents of Islamic law*. Trans. Nancy Roberts. London: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. (1999). *Al-Imam al-mujaddid wa al-muhaddith al-Shah Wali Allah al-Dihlawi hayatuh wa da'watuh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Yubi, Muhammad Sa'd b. Ahmad b. Mas'ud. (1998). *Maqasid al-syari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi 'adillah al-syar'iyyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tazi'.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1999). *Al-Wazij fi usul al-fiqh*. Dar Fikr: Damsyik.
- Azharudin Mohamed Dali. (2002). Ulama dan gerakan revivalis Islam di India antara 1700-1850an. *Jurnal Usuluddin*, 16, 51-74.
- Bhat, Ab. Rashid. (1997). Shah Waliyy-u Allah: An analysis of the trends in his religious thought. Thesis Shah-i-Hamdan Institute of Islamic Studies, University of Kashmir, Hazratbal-Srinagar.
- Hairul Hudaya. (2017). Mengenal kitab al-umm karya al-Syafi'i (Dari metode istidlal hukum hingga keasliannya). *Jurnal Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 14(1), 59-80.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. (2003). *Tafsir Al-Azhar*. Cet. 5. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Islahi, Abdul Azim. 2011. *Islamic Economic Thinking In The 12th AH/18th CE Century*. Jeddah: Scientific Publishing Center.
- Jalbani, G. N. (1980). *Sufism and the Islamic tradition: The lamahat and sata'at of Shah Waliyullah*. London: T.p.
- Jalbani, G. N. (1993). *Life of Shah Waliyullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. (2007). Kepentingan Tariq Shah Waliyy Allah al-Dihlawi dan relevannya dalam konteks Malaysia kini. Dlm. Abdul Salam

- Muhammad Syukri (ed.). *Dimensi pemikiran Shah Waliyyallah al-Dihlawi dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad & Zanirah Mustafa@Busu. (2019). Kitab *hujjah Allah al-balighah* karya Shah Waliyy Allah Al-Dihlawi: Suatu pengenalan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(3), 1-16.
- Rahimin Affandi & Faizuri. (2008). Warisan karya ulama Melayu-Islam silam dan kaitannya dengan pengajian moral di zaman moden. *Jurnal Usuluddin*, 27, 170-189.
- Sharif, M. M. (1966). *A history of Muslim philosophy*. Vol. 2. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.